

**PENGETAHUAN PELAJAR BAHASA DAN LINGUISTIK MELAYU TERHADAP  
KERJAYA DALAM BIDANG BAHASA MELAYU**

***MALAY LANGUAGE AND LINGUISTICS STUDENTS' KNOWLEDGE OF THEIR  
CAREER***

Zuraini Jusoh\*, Norazlina Mohd Kiram & Rozita@Radhiah Said

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia 43400  
Serdang Selangor

zurainijusoh@upm.edu.my

**ABSTRAK**

Kajian tinjauan ini telah dijalankan terhadap 63 orang pelajar Bacelor Sastera Bahasa dan Linguistik Melayu di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia. Seramai 11 (17.5%) pelajar lelaki dan 52 (82.5%) pelajar perempuan telah menjadi responden kajian. Tujuan utama kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti pengetahuan pelajar terhadap kerjaya dalam bidang bahasa Melayu. Oleh itu, satu set soal selidik yang mengandungi soalan terbuka telah diedarkan kepada responden yang sedang mengikuti program Bacelor Sastera Bahasa dan Linguistik Melayu. Pelajar yang dipilih sebagai responden kajian merupakan pelajar semester lima. Hal ini kerana dengan anggapan pelajar ini sudah mengetahui hala tuju kerjaya yang akan diceburi mereka setelah berada dalam tahun ketiga pengajian mereka di universiti. Pelajar diberi ruang untuk menulis lebih daripada satu kerjaya dalam bidang pengajian yang sedang mereka ikuti. Hasil dapatan menunjukkan bahawa pelajar dapat menyenaraikan antara satu hingga empat pilihan kerjaya yang diketahui mereka dan sekurang-kurangnya 14 kerjaya telah disenaraikan. Lebih separuh daripada pelajar, 35 (55.5%) mengatakan bahawa mereka berhasrat untuk menjadi guru dan pensyarah. Walau bagaimanapun, ada di kalangan responden yang kurang pasti, masih tercari-cari dan tidak mengetahui kerjaya yang bersesuaian dengan bidang pengajian mereka. Terdapat juga sebilangan pelajar yang mengatakan bahawa mereka tidak memilih pekerjaan dan menerima apa sahaja peluang pekerjaan yang diberikan selepas menamatkan pengajian kelak.

*Kata Kunci: Bidang Bahasa Melayu, Program Linguistik Melayu, Pelajar Pengajian Tinggi, Pengetahuan Kerjaya*

**ABSTRACT**

*This study was conducted on 63 students of the Bachelor of Arts Malay Language and Linguistics in the Faculty of Modern Languages and Communication, Universiti Putra Malaysia. A total of 11 (17.5%) male students and 52 (82.5%) female students were respondents of the study. The main purpose of this study was to identify students' knowledge of their career in the Malay language. Therefore, a set of questionnaires containing open-ended questions was distributed to respondents who are currently in*

*their fifth semester. This is because it is assumed that the students already know the career path they will pursue after their third year at the university. Students are given the opportunity to write down more than one career in their field of study. The results showed that students can list between one to four known career options and at least 14 careers have been listed. More than half of the students, 35 (55.5%) said they intend to become teachers and lecturers. However, some of the respondents were still unsure and did not find a career relevant to their field of study. There are also some students who said they were not fussy about jobs and would accept whatever job opportunity offer after graduating.*

*Keywords: Malay Language, Malay Linguistics Program, Higher Education Students, Career Knowledge*

## **PENGENALAN**

Pemahaman dan kesedaran terhadap kerjaya yang bakal diceburi sepatutnya telah didedahkan sejak di bangku sekolah lagi. Bukan pihak ibu bapa sahaja yang perlu memainkan peranan dalam hal ini, sebaliknya pihak sekolah juga sebagai sebuah institusi pendidikan formal. Hal ini kerana pendidikan kerjaya melibatkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang berstruktur untuk menyediakan platform kepada pelajar memahami potensi mereka, alam pekerjaan dan meningkatkan kemahiran khusus mereka dalam membuat pilihan kerjaya masa depan (Mohd Izwan Mahmud, Sidek Mohd Noah, Jamaludin Ahmad & Wan Marzuki Wan Ahmad, 2016). Pendedahan pada peringkat awal membolehkan murid-murid membuat perancangan awal dengan menyesuaikan pilihan mata pelajaran dengan kerjaya yang diminati mereka. Sebaliknya, apa yang diperhatikan dalam senario semasa murid-murid di negara ini, mereka hanya belajar tanpa mengetahui arah tuju atau matlamat pekerjaan yang akan diceburi mereka pada masa depan. Lanjutan daripada itu, masalah ini berterusan sehingga ke peringkat pengajian tinggi. Oleh itu, satu kajian tinjauan telah dijalankan dalam kalangan pelajar yang mengambil program Bachelo Sastera Bahasa dan Linguistik Melayu di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi.

Sejarah telah membuktikan bahawa bahasa Melayu telah menjadi bahasa yang berkembang pesat sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka lagi. Kini, perkembangan bahasa Melayu dapat diperhatikan dengan penubuhan Kursi Pengajian Melayu di universiti terkemuka dunia dan dipelajari secara meluas. Terdapat lebih 140 buah institusi pengajian tinggi di lebih 50 buah negara di seluruh dunia menawarkan kursus pengajian bahasa Melayu, iaitu di Amerika Syarikat, United Kingdom, Jepun, China, Rusia, Belanda, Jerman, Mesir, Iran, Pakistan (Azizul Haji Ismail & Vijayaletchumy, 2017). Keadaan ini membuktikan bahawa bahasa Melayu telah berkembang pesat dan berada di persada dunia sesuai dengan pendapat Salleh Abdul Rashid dan Shuhairimi Abdullah (2015) yang mengatakan bahawa pengaruh bahasa Melayu di kepulauan Nusantara telah berkembang pesat sebagai bahasa ilmu dan ekonomi. Perkembangan ini ekoran bahasa Melayu telah berfungsi sebagai alat komunikasi yang bersifat ekonomi pada zaman Melaka ekoran daripada fungsinya sebagai pusat penyebaran agama Islam dan pusat aktiviti perdagangan dan keusahawanan (Salleh Abdul Rashid & Shuhairimi Abdullah, 2015). Malah, penyelidikan tentang bahasa Melayu juga telah banyak dijalankan semenjak zaman prakemerdekaan lagi (Nor Hashimah Jalaluddin, 2015). Keadaan ini membuktikan bahawa bahasa Melayu bukan sahaja telah menjadi

bahasa penyatuan pelbagai bangsa, malah peranannya sebagai bahasa komunikasi dan ilmu telah diperakui sejak dahulu lagi.

Penawaran bidang bahasa di beberapa buah universiti awam juga menunjukkan bahawa terdapatnya keperluan untuk mendalami bahasa kebangsaan ini dan peluang kerjaya yang terbuka luas. Pengajian dalam bidang bahasa Melayu pada peringkat pengajian tinggi ditawarkan di beberapa universiti awam seperti Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Malaya (UM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), dan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). Bidang pengajian ini sama ada menggunakan istilah Program Bahasa Melayu atau Program Linguistik Melayu. Di Universiti Putra Malaysia (UPM), program ini ditawarkan di bawah Jabatan Bahasa Melayu di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi dengan nama Program Bachelo Sastera Bahasa dan Linguistik Melayu. Pelajar perlu melengkapkan sebanyak 125 jam kredit selama 3 tahun 6 bulan untuk melayakkan mereka bergraduati.

Jika disoroti dari sejarah, bahasa Melayu telah menjadi bidang pengajian yang tersendiri dan menjadi tumpuan kajian pada zaman kolonial (Kartini Abd Wahab, Sa'adiah Ma'alip, Maslida Yusuf & Karim Harun, 2016). Namun, disebabkan oleh sikap masyarakat yang gagal menghayati kedudukan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan secara terbuka mempertikaikannya sebagai bahasa rasmi negara (Noor Mohamad Shakil Hameed, 2016) membuatkan bidang ini dipandang remeh. Tanggapan masyarakat terhadap bidang bahasa yang dikatakan sebagai kurang ekonomik dan mudah dikuasai (Mohamad Sofee Razak, 2007) membuatkan pelajar yang mengikuti bidang ini merasa rendah diri kerana kerjaya mereka sering dipandang remeh. Lebih parah lagi apabila pelajar yang mengikuti bidang ini sendiri tidak dapat menghayati nilai bahasa rasmi negara ini. Hal ini kerana bidang pengajian Melayu sering dikelaskan sebagai bidang yang tidak mempunyai masa depan kerjaya yang kompetitif (Kartini Abd Wahab, Sa'adiah Ma'alip, Maslida Yusuf & Karim Harun, 2016).

Selain, sikap negatif masyarakat terhadap bahasa Melayu itu sendiri, kematangan kerjaya dalam kalangan masyarakat juga menjadi salah satu punca kurangnya pengetahuan terhadap kepelbagaian kerjaya dalam bidang bahasa Melayu. Mohd Sani Ismail, Abdul Hakim Abdullah, Aman Daima Md Zain, Mohd Hasrul Shuhari dan Mohd Rahim Ariffin (2018) misalnya telah menjalankan kajian untuk mengukur tahap kematangan kerjaya dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Hasil kajian mendapati bahawa secara umumnya tahap kematangan kerjaya pelajar berada pada tahap rendah dan sederhana.

Kajian yang dijalankan oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) turut menyokong pendapat ini apabila berpendapat salah satu faktor yang menyebabkan graduan sukar untuk mendapatkan pekerjaan adalah kerana kurangnya kesedaran tentang kewujudan berbagai-bagai peluang pekerjaan (Muhammad Hazrul Ismail, 2012). Masyarakat sering beranggapan bahawa graduan bidang bahasa mempunyai peluang kerjaya yang terhad. Misalnya, antara bidang kerjaya yang sering dikaitkan dengan bidang bahasa Melayu ialah sebagai guru. Untuk menjadi guru, graduan perlu mengambil kursus lanjutan untuk membolehkan mereka layak dilantik sebagai pendidik. Graduan yang berminat menjadi pensyarah pula akan melanjutkan pengajian pada peringkat sarjana dan Doktor Falsafah. Hal ini kerana kurangnya pengetahuan mereka terhadap kepelbagaian pekerjaan dalam bidang bahasa Melayu ini. Seharusnya, bidang bahasa Melayu menawarkan peluang pekerjaan yang luas dalam menggerakkan industri pekerjaan (Mohd. Helmi Ahmad, 2013). Oleh itu, graduan perlu melengkapkan diri dengan ilmu bahasa dan kemahiran insaniah yang

telah diserapkan sepanjang pengajian. Ini seiring dengan pendapat Muhammad Hazrul Ismail (2012) yang mengatakan bahawa memiliki modal insan yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi adalah faktor terpenting bagi Malaysia untuk mentransformasikan ekonomi ke arah mencapai status negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang 2020.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian pengetahuan pelajar terhadap skop kerjaya dalam bidang bahasa Melayu ini telah dijalankan secara tinjauan. Seramai 63 orang pelajar telah terlibat, iaitu majoritinya pelajar semester lima. Pemilihan responden kajian dibuat secara bertujuan apabila kesemua pelajar yang mengambil kursus wajib ini diminta menjawab soal selidik yang diedarkan. Satu set soal selidik yang mengandungi sembilan soalan terbuka dan 57 soalan menggunakan skala ordinal jenis perbezaan semantik telah diedarkan. Walau bagaimanapun, untuk tujuan penulisan kertas kerja ini, hanya bahagian soalan terbuka yang akan dibincangkan.

Sebelum menjawab soal selidik, pelajar telah diberikan penerangan ringkas, iaitu untuk memberikan respons terhadap soalan yang ditanyakan dalam skop bidang bahasa Melayu sahaja. Maklumat pada borang soal selidik adalah sulit. Oleh itu, hanya maklumat mengenai jantina, semester pengajian semasa dan bangsa ditanyakan dalam bahagian maklumat peribadi responden kajian. Didapati bahawa kebanyakan responden adalah pelajar perempuan apabila sebanyak 52 (82.5%) merupakan golongan ini dan hanya 11 (17.5%) merupakan pelajar lelaki. Dari segi semester pengajian, pelajar yang menjadi responden kajian ini berada dalam semester kelima pengajian mereka. Majoriti responden berbangsa Melayu apabila sebanyak 60 (95.2%) berada dalam kelompok ini dan hanya 3 (4.8%) merupakan lain-lain bangsa, iaitu Bumiputera Sabah/Sarawak dan seorang pelajar India.

## **DAPATAN KAJIAN**

Soalan terbuka berkenaan pengetahuan pelajar terhadap pekerjaan dalam bidang bahasa Melayu yang diketahui mereka telah ditanyakan dalam borang soal selidik pada soalan nombor enam. Untuk soalan ini, pelajar dibenarkan menulis lebih daripada satu kerjaya yang diketahui mereka. Hasilnya, pelajar Bachelar Sastera (Bahasa dan Linguistik Melayu) semester lima ini telah menyenaraikan antara satu hingga empat kerjaya. Pelajar didapati paling ramai dapat menyatakan empat kerjaya apabila seramai 29 (48.33%) berada dalam kumpulan ini. Ini diikuti dengan tiga kerjaya, iaitu sebanyak 14 (23.33%) dan dua pilihan sebanyak 12 (20.00%). Manakala, sebanyak lima (8.33%) pelajar menyenaraikan satu kerjaya dalam bidang bahasa Melayu yang diketahui mereka. Secara umumnya, berdasarkan dapatan ini dapat dinyatakan bahawa pelajar semester lima ini mempunyai pengetahuan terhadap skop kerjaya dalam bidang pengajian ini apabila ramai pelajar dapat menyenaraikan tiga dan empat jenis kerjaya.

Jenis kerjaya yang disenaraikan oleh pelajar ini diperincikan lagi kepada 14 jenis, iaitu guru, pensyarah, penulis, penterjemah, pustakawan, pegawai tadbir, kerjaya yang berkaitan penerbitan dan penyuntingan, wartawan/pengacara, ahli bahasa/ahli linguistik/pakar bahasa/penyelidik bahasa, pemandu pelancong, jurubahasa, sasterawan, wakil rakyat dan kerjaya di Dewan Bahasa dan Pustaka.

Daripada 14 jenis kerjaya yang disenaraikan pelajar ini, kerja dalam bidang penerbitan/penyuntingan paling ketahu apabila sebanyak 32 kali dinyatakan dalam kerjaya yang diketahui mereka. Ini diikuti dengan kerjaya sebagai pensyarah sebanyak 31 kali dan sebagai penterjemah sebanyak 30 kali disenaraikan dalam pilihan kerjaya yang diketahui oleh pelajar. Kerjaya seperti guru sama ada dalam sektor kerajaan mahupun swasta pula sebanyak 25 kali disenaraikan, diikuti dengan kerjaya sebagai penulis sebanyak 23 kali. Kerjaya sebagai penulis yang disenaraikan oleh pelajar dapat dibahagikan kepada dua, iaitu penulis dalam bidang kreatif seperti menjadi novelis dan penulis ilmiah seperti penulis buku.

Selain itu, pelajar bidang bahasa dan linguistik Melayu di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Serdang ini juga mempunyai pengetahuan kerjaya sebagai pakar bahasa. Pelajar didapati mempunyai pengetahuan kerjaya sebagai ahli bahasa/ahli linguistik/penyelidik bahasa. Namun, kepakaran dan penyelidikan yang diketahui mereka hanyalah dalam kajian mengenai sejarah bahasa dan bahasa orang asli sedangkan kajian bidang bahasa sangat luas.

Pelajar juga menyenaraikan kerjaya sebagai jurubahasa sebanyak 7 kali dan kerjaya sebagai wartawan serta pengacara sebanyak 6 kali. Jika diperhatikan kepada syarat lantikan jurubahasa seperti yang dinyatakan laman sesawang rasmi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) Malaysia, kelayakan yang diperlukan ialah Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM)/Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) atau pengajian peringkat diploma yang diiktiraf oleh kerajaan sahaja. Oleh itu, pelajar peringkat bachelior/ijazah sarjana muda ini sepatutnya mengetahui bidang kerjaya yang lebih sesuai dengan kelayakan akademik mereka. Misalnya, dalam semakan kurikulum yang dilakukan setiap lima tahun sekali di UPM, pelajar lulusan program Bahasa dan Linguistik Melayu ini dijangkakan mempunyai peluang kerjaya sebagai perancang bahasa, editor bahasa, penterjemah, penulis kreatif, penulis skrip, penulis profesional, penyelidik bahasa, agen persuratan, penulis kopi (copy writer) dan penerbit.

Pelajar juga didapati telah menyenaraikan kerjaya di bawah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) yang merupakan sebuah badan yang ditubuhkan khas untuk mengembangkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara. Walau bagaimanapun, hanya 4 kali kerjaya ini disebut dalam kalangan pelajar. Berdasarkan senarai tersebut, dapat dirumuskan bahawa pelajar yang dikaji kurang memahami skop kerjaya yang ditawarkan oleh DBP apabila terdapat pelajar yang memilih kerjaya sebagai kerani di bawah di DBP dan ada juga yang hanya menulis DBP sahaja tanpa bidang kerjaya yang lebih khusus. Keadaan ini menunjukkan bahawa pelajar mengetahui DBP sebagai sebuah badan yang ditubuhkan khas untuk mengembangkan bahasa Melayu, namun tugas-tugas yang dilaksanakan badan ini masih belum difahami sepenuhnya oleh pelajar. Ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa pelajar bidang bahasa Melayu yang dikaji masih kurang mendalami kerjaya yang sesuai dengan program pengajian mereka terutamanya dalam skop kerjaya di bawah Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kerjaya lain yang disenaraikan oleh pelajar ialah seperti pegawai tadbir, pemandu pelancong, sasterawan dan wakil rakyat. Masing-masing membuat pilihan sebanyak satu hingga dua kali sahaja untuk kerjaya ini. Ini menunjukkan bahawa kerjaya ini kurang popular dalam kalangan pelajar.

## RUMUSAN DAN PERBINCANGAN DAPATAN

Dapat disimpulkan bahawa pelajar yang dikaji tidak terdedah kepada kepelbagaian kerjaya dalam bidang bahasa. Walaupun pelajar didapati dapat menyenaraikan pelbagai kerjaya dalam bidang bahasa namun, sama ada bidang itu tidak berkaitan dengan bidang bahasa mahupun bidang yang umum seperti guru dan pensyarah. Pelajar didapati tidak terdedah dengan kerjaya dalam bidang bahasa dan pemilihan kerjaya juga tidak diberikan bimbingan dalam kalangan pelajar. Pelajar sepatutnya telah mempunyai pilihan kerjaya mereka semasa di tingkatan empat lagi untuk membolehkan mereka menjurus kepada bidang dan diminati dan memberikan tumpuan untuk mengejar kerjaya yang diminati. Untuk itu, peluang kerjaya pelbagai bidang dan tidak terkecuali bidang bahasa Melayu perlu didedahkan kepada pelajar sejak awal lagi. Memang tidak dinafikan, adanya unit bimbingan dan kaunseling di sekolah yang membantu pelajar namun, bimbingan ini tidak menyeluruh, iaitu tidak melibatkan semua pelajar. Keadaan ini membuatkan pelajar bukan sahaja tidak terdedah dengan peluang kerjaya yang pelbagai dalam bidang bahasa malah, melanjutkan pengajian dalam bidang ini sebagai tiket melayakkan mereka melanjutkan pengajian pada peringkat pengajian tinggi dan tidak mendapat peluang kerjaya yang sesuai dengan bidang pengajian mereka setelah menamatkan pengajian kelak.

Hal ini kerana kesukaran dalam membuat keputusan pemilihan kerjaya merupakan suatu isu yang sering dialami oleh individu (Nur Liyana Mohd Ibrahim, Mohammad Aziz Shah Mohamed Arip & Mohammad Nasir Bustamam, 2015). Walaupun pemikiran, perhatian dan pemilihan terhadap kerjaya boleh muncul seawal usia persekolahan sehinggalah selepas bersara di sepanjang kehidupan (Zool Hilmi Mohamed Ashari, Mohamad Sattar Rasul & Norzaini Azman, 2014) namun, adalah penting pengetahuan kerjaya diterapkan sejak awal lagi bagi membolehkan pelajar merancang pendidikan mereka. Walaupun, dapatan menunjukkan bahawa pengetahuan kerjaya pelajar yang dikaji masih belum meluas, pelajar yang mengikuti bidang ini masih mempunyai masa untuk memikirkan bidang kerjaya yang bersesuaian dengan membuat kajian dan pemahaman yang jelas mengenai prospek kerjaya dalam bidang bahasa Melayu yang dipelajari mereka di universiti kini.

Hal ini selaras dengan pendapat Zulelawati Bujang dan Yusni Zaini Yusuf (2015) yang mengatakan bahawa setiap individu memiliki potensi dan bakat yang boleh diperkembangkan dan dipertingkatkan. Oleh itu, dengan mengenal pasti kepelbagaian kerjaya yang boleh diceburi, pelajar bidang bahasa Melayu juga boleh melihat potensi diri dan memperkembangkan potensi tersebut. Kerjaya merupakan aktiviti utama dan kegiatan yang menentukan corak kehidupan individu, seterusnya menentukan kepuasan dalam bidang yang diceburi (Noor Izzaty Ibrahim, Muhamad Ariff Ibrahim & Siti Fardaniah Abdul Aziz, 2017). Untuk itu, pelajar perlu bijak merancang pilihan kerjaya yang sesuai dengan menfaatkan bidang yang telah dipelajari. Satu kesedaran perlu diterapkan bahawa peluang pekerjaan di pasaran semasa masih terbuka luas dan tidak pernah tertutup sama sekali kerana bidang bahasa dan linguistik ini begitu unik, konstruktif dan relevan dengan realiti pekerjaan dan perkhidmatan semasa (Mohamad Sofee Razak, 2007). Sepatutnya tidak timbul desas-desus mengatakan bahawa graduan bidang bahasa tidak laku dalam pasaran kerja (Mohd. Helmi Ahmad, 2013). Pelajar dan masyarakat perlu sedar bahawa bahasa merupakan medium untuk mendapatkan dan mengaplikasikan ilmu (Wan Ismail Wan Yusoh, 2013). Tanpa bahasa, ilmu tidak akan dapat diperolehi dan disebar. Oleh itu, penting untuk pelajar yang mengambil bidang ini sama ada atas pilihan mereka sendiri atau

disebabkan oleh penawaran untuk memahami potensi bidang bahasa Melayu sebagai laluan kerjaya mereka. Seterusnya, mendorong kepada minat untuk mempelajari dan mendalami bidang ini.

## PENGHARGAAN

Penyelidikan ini telah dijalankan menggunakan Geran Universiti Putra Malaysia 2017 yang telah diluluskan dananya untuk tajuk penyelidikan "Persepsi Pelajar Terhadap Potensi dan Prospek Kerjaya dalam Bidang Bahasa Melayu".

## RUJUKAN

- Azizul Haji Ismail & Vijayaletchumy Subramaniam (2017). Pengajian bahasa di luar negara. Dewan Bahasa. Diperoleh pada 22 Disember 2018 melalui <http://dwnbahasa.dbp.my/?p=1825>
- BERNAMA (2013). Guna bahasa ibunda kuasai ilmu. 14/11/2013. Diperoleh pada 22 Disember 2018 melalui [http://ww1.utusan.com.my/utusan/Dalam\\_Negeri/20131114/dn\\_18/Guna-bahasa-ibunda-kuasai-ilmu](http://ww1.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20131114/dn_18/Guna-bahasa-ibunda-kuasai-ilmu)
- Hashim Yaacob (2017, 15 Mac). Bahasa Melayu bahasa ilmu. Diperoleh pada 25 Mei 2018 melalui <https://www.malaysiakini.com/news/403317>
- Kartini Abd Wahab, Sa'adiyah Ma'alip, Maslida Yusuf & Karim Harun (2016). Kebitaraan Program Pengajian Bahasa Melayu: Persepsi dan Harapan Mahasiswa. *Jurnal Melayu*, 15(2), 176-195.
- Malaysia Kini (2017, 25 November). Bahasa Melayu perlu jadi bahasa rasmi ASEAN. Diperoleh pada 25 Mei 2018 melalui <http://www.utusan.com.my/rencana/utama/bahasa-melayu-bahasa-ilmu-1.457273>
- Mohd. Helmi Ahmad (2013). "Mencipta" Kerjaya Melalui Bahasa Melayu. Februari, Darihil Bahasa. Dewan Bahasa.
- Mohd Izwan Mahmud, Sidek Mohd Noah, Jamaludin Ahmad & Wan Marzuki Wan Ahmad (2016). Modul Kesediaan Kerjaya Berdasarkan Teori *Cognitive Information Processing* (CIP). *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 4(3), 59-75.
- Mohd Sani Ismail, Abdul Hakim Abdullah, Aman Daima Md Zain, Mohd Hasrul Shuhari & Mohd Rahim Ariffin (2018). Kematangan Kerjaya Pelajar: Implikasinya Terhadap Kaunseling Kerjaya. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 18(1), 45-55.
- Mohamad Sofee Razak (2007). Potensi, Prospek Kerjaya Bahasa. Diperoleh pada 8 Jun 2017 melalui <http://mohamadsofee.blogspot.com/2007/12/potensi-prospek-kerjaya-bahasa.html>
- Nizam Yatim (2008). Bahasa Melayu di persada dunia. Utusan Online 28/02/2008 diperoleh pada 8 Jun 2017 melalui [http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2008&dt=0228&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Sastera&pg=sa\\_01.htm](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2008&dt=0228&pub=Utusan_Malaysia&sec=Sastera&pg=sa_01.htm)
- Noor Mohamad Shakil Hameed, (2016). Terus perkasakan bahasa Melayu. Diperoleh pada 8 Jun 2017 melalui <http://www.utusan.com.my/rencana/terus-perkasakan-bahasa-melayu-1.206875>

- Noor Izzaty Ibrahim, Muhamad Ariff Ibrahim & Siti Fardaniah Abdul Aziz (2017). Hubungan antara gaya asuhan ibu bapa dengan pemilihan kerjaya dalam kalangan pelajar universiti. *e-Bangi. Special Issue 3*, 1-11.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Junaini Kasdan & Zaharani Ahmad (2010). Sosiokognitif pelajar remaja terhadap bahasa Melayu. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*, 10(3), 67-87.
- Nur Liyana Mohd Ibrahim, Mohammad Aziz Shah Mohamed Arip & Mohammad Nasir Bustamam (2015). Terjemahan, kesahan, dan kebolehpercayaan Career Thoughts Inventory. *Jurnal Sains Humanika*, 7(1), 31-41.
- Siti Nor Azhani Mohd Tohar, Adlina Ab Halim & Ku Hasnita Ku Samsu (2017). Pengukuran tahap pemartabatan bahasa kebangsaan dalam kalangan mahasiswa institusi pengajian tinggi. *GEMA Online™ Journal of language Studies*, 17(2), 105-122.
- Tempo.co (2012). Awalnya Bahasa Melayu sebagai Bahasa Persatuan. Diperoleh pada 8 Jun 2017 melalui <https://nasional.tempo.co/read/438136/awalnya-bahasa-melayu-sebagai-bahasa-persatuan/full&view=ok>
- Wan Ismail Wan Yusoh (2013). Kebolehpasaran graduan berbahasa Melayu bergantung pada penguasaan Inggeris. Diperoleh pada 8 Jun 2017 melalui <http://www.ukm.my/news/arkib/tahun-2013/oktober-2013/kebolehpasaran-graduan-berbahasa-melayu-bergantung-pada-penguasaan-inggeris-2/>
- Zool Hilmi Mohamed Ashari, Mohamad Sattar Rasul & Norzaini Azman (2014). Hubungan individu, persekitaran dan kebolehsesuaian terhadap pemilihan kerjaya pelajar sistem pensijilan kemahiran Malaysia (SPKM): Satu Analisis Kandungan. *Jurnal Sains Humanika*, 2(1), 135-144.
- Zulelawati Bujang & Yusni Zaini Yusuf (2015). Trait personaliti dan hubungan dengan prestasi akademik bakal guru di sebuah institusi latihan perguruan. *Jurnal Bitara Edisi Khas (Psikologi Kaunseling)*, 8, 171-180.
- Zulkifley Hamid (2012). Keupayaan berbahasa Melayu dalam kerangka satu Malaysia. *Journal of Social Science and Humanities (e-Bangi)*, 7(1), 224-234.